

# 4 pelajar UMP raih pingat emas

Metro (ketumyot) Khamis 23/12/10 M393

**K**UANTAN: Kejayaan cemerlang dilakar empat pelajar Diploma Kejuruteraan Awam Universiti Malaysia Pahang (UMP), di sini, apabila meraih pingat emas pada pertandingan Pereka Muda Antarabangsa di Hanoi, Vietnam, minggu lalu.

Pertandingan julung kali diadakan itu membabitkan lebih 400 penyertaan pelajar universiti dan kolej dari 46 negara seperti Jepun, Thailand, Indonesia, Korea Selatan, Singapura, Hong Kong dan tuan rumah, Vietnam.

Pensyarah Fakulti Kejuruteraan Awam dan Sumber Alam, Abdul Syukor Abd Razak berkata, empat pelajar yang menyertai pertandingan ini ialah Mohamad Amirul Shazwan Zakaria, Mohamad Hafizuddin Ramli, S Muthukumar dan Amirudin Ibrahim.

Menurutnya, dengan bantuan pelajar tahun akhir menggunakan konsep mentor-mentee, setiap peserta mempamerkan projek ma-



**BANGGA...** Abdul Shukor (tengah) bersama empat pelajar (UMP) yang berjaya meraih pingat emas pada pertandingan pereka muda antarabangsa di Hanoi.

sing-masing yang berjaya menarik perhatian juri.

"Empat projek yang dipertandingkan adalah umpan tiruan daripada tandan kelapa sawit untuk membunuh anai-anai, merawat air kumbahan ladang babi menggunakan tiga jenis tumbuhan air.

"Dua projek lain adalah menggunakan kulit bawang bagi menghalang berlakunya karat di bahagian dalam

paip dan sistem penapis air bawah tanah daripada bahan semulajadi," katanya.

Pada pertandingan berkeajaan pasukan negara yang diwakili pelajar UMP, Universiti Malaysia Perlis (Uni-map) dan Persatuan Reka Cipta dan Inovasi Malaysia (PRCIM) merangkul 11 pingat emas.

Abdul Syukor yang juga penasihat pasukan UMP berkata, syarat utama pertan-

dingan itu ialah peserta berumur di bawah 19 tahun dan mereka perlu mahir untuk menerangkan projek yang dipamerkan kepada juri.

Bagi Mohamad Hafizuddin, dia tidak menyangka projek rawatan air kumbahan ladang babi menggunakan tiga jenis tumbuhan air iaitu teratai, kiambang dan ekor kucing membuah hasil membanggakan.

"Sokongan pensyarah dan pelajar tahun akhir yang terbabit dalam projek ini menjadi antara faktor utama kejayaan saya pada pertandingan di Hanoi," katanya.

Rakanya, S Muthukumar berkata, kejayaan di peringkat antarabangsa ini menguatkan semangatnya untuk terus terbabit dalam bidang kajian dan rekaan.

"Selepas menghasilkan bahan daripada kulit bawang bagi menghalang karat di bahagian dalam paip, saya akan berusaha mencipta lebih banyak kejayaan selepas ini," katanya.